

Koperasi perlu terlibat pelaburan harta tanah

Angkasa cadang kerajaan sediakan peruntukan khas

BATU PAHAT - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mencadangkan kerajaan dapat menyediakan peruntukan khas kepada koperasi yang berdaftar.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sebagai permulaan pihaknya mencadangkan sejumlah RM500 juta disediakan kepada koperasi di seluruh negara kerana Angkasa sendiri terlibat dengan projek berkaitan harta tanah.

Menurutnya, ia termasuklah kira-kira 25,000 unit rumah yang nilai pembangunan kasar (GDV) hampir RM49 bilion.

"Rasional cadangan untuk memberikan peruntukan ini adalah untuk mengimbangi pemilikan harta tanah di kawasan yang strategik dan memastikan usaha menambah pendapatan akan berterusan.

"Selain itu, ia juga selaras dengan resolusi yang mampu mengimbangi pemilikan harta tanah di kawasan strategik, selaras dengan resolusi dalam konvensyen harta tanah yang diadakan dengan Kongres Kesatuan Pekerja-



Abdul Fattah (tengah) ketika melancarkan MoU antara UTHM dan Koperasi UTHM.

pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Mac tahun lalu," katanya semasa menghadiri Persidangan Angkasa Negeri Johor 2017, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Turut hadir, Naib Canselor UTHM, Prof Dr Wahid Razzaly; Timbalan Pengarah

Hamid.

Sempena persidangan itu, tiga perjanjian persefahaman (MoU) dimeterai membabitkan GDV keseluruhan kira-kira RM800 juta antara UTHM dan koperasi universiti berkenaan, serta Angkasa Johor melalui MyAngkasa Bina dengan dua pihak lain.

MoU antara UTHM dan Koperasi UTHM meliputi pembinaan kolej kediaman pelajar di kampus universiti tersebut di Pagoh yang membabitkan 18 blok, manakala MyAngkasa Bina pula meterai perjanjian dengan syarikat Susur Gemilang untuk membangunkan 480 unit pangaspuri dan kedai pejabat di daerah ini.

Manakala MoU bersama Koperasi Wawasan Desa Pontian dan Sumber Satu Jaya untuk 818 unit rumah dan bangunan kedai di Pontian.

Dalam pada itu, Abdul Fattah menggesa universiti awam (UA) yang lain mencontohi UTHM kerana memberi peluang kepada koperasinya menyediakan kolej kediaman kepada penuntutnya atau membangunkan projek lain di kampus.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) negeri, Fadilah Salim; Pengurus Koperasi UTHM, Prof Madya Dr Razali Hassan; Pengurus MyAngkasa Bina Sdn Bhd, Datuk Che Mohd Shukree Che Isa dan Pengurus Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Johor, Sazali Abd